

SOALAN NO: 536

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah rancangan KSM untuk memberi cuti bergaji kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana alam.

PR-1331-T66915

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) belum mewajibkan pemberian cuti bergaji kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana alam. Walaubagaimanapun, isu ini sedang dikaji samada akan dimasukkan ke dalam peruntukan Akta Kerja 1955 (Akta 265) yang sediada.
2. Di samping itu, Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja telah mengambil langkah untuk menasihati majikan dan pekerja

untuk bersama-sama membantu di antara satu sama lain dalam menanggapi isu ini agar ianya dapat diselesaikan melalui rundingan yang harmoni.

3. Kementerian ini sentiasa menggalakkan majikan untuk membayar gaji pekerja sepanjang tempoh bencana atas dasar kemanusiaan tambahan pula ketidakhadiran pekerja ke tempat kerja adalah bukan disengajakan dan ini tidak boleh dianggap sebagai melanggar kontrak perkhidmatan.

4. Namun demikian, Kementerian ini sentiasa menggalakkan majikan membuat rundingan dengan pekerja bagi mencapai persetujuan yang membawa kepada situasi menang-menang.